

## **KEMPEN PENGUMPULAN HOUSEHOLD E-WASTE PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI MELAKA SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022 ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA**

20 Oktober 2022, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menganjurkan Kempen Pengumpulan Household E-waste Peringkat Sekolah-Sekolah Negeri Melaka sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022 bermula 11 Oktober hingga 19 Oktober 2022 yang lalu. Sebanyak 19 buah sekolah telah mengambil bahagian dan sebanyak 8.0475 tan household e-waste berjaya dikumpulkan.

Pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menetapkan bahawa Sabtu terakhir setiap bulan adalah hari pengumpulan E-Waste di Malaysia. Sehubungan dengan itu, orang ramai boleh memuat turun aplikasi MyEwaste di telefon pintar untuk mengetahui lokasi pengumpulan E-Waste di Malaysia. Selain daripada aktiviti kutipan e-waste, turut diadakan agihan banner berkaitan larangan pembakaran terbuka kepada pihak sekolah.

**#KementerianAlamSekitarDanAir**

**#JabatanAlamSekitar**

**#jasnegerimelaka**

**#AlamSekitarTanggungjawabBersama**